



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut: -

No ruj. & Tajuk Tender	Kelayakan/ Taraf /Jenis Tender	Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak	Tarikh Tutup/ No. Peti Tender	Harga Dokumen Tender
TENDER BAGI UPNM(PB)02.13/03/03/2023- KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG ASRAMA JEBAT DAN KASTURI DI KAMPUS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	Berdaftar CIDB G4 Kategori B Pengkhususan B04, B15, B24 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB Dan PKK Sijil Taraf Bumiputera	Diwajibkan iaitu berkumpul di Dewan Pendekar UPNM pada 03 Mei 2023 (Rabu) jam 10.00 pagi (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	29 Mei 2023 (Isnin) pada atau sebelum pukul 12.00 tengahari Peti Tender No. 1	RM 100.00 (Tidak akan dikembalikan)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK.

Dokumen tender boleh disemak dan dibeli pada **03 Mei 2023 (selepas menghadiri lawatan tapak)** di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dengan bayaran sebanyak **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Ringgit Sahaja)** dalam bentuk Tunai/ Bank Draft dibayar atas nama Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (yang tidak akan dikembalikan). Waktu untuk membeli dokumen tawaran adalah seperti di bawah :-

Isnin-Khamis	:	8.30 pagi	hingga	12.30 tengah hari
		2.30 petang	hingga	4.00 petang
Jumaat	:	8.30 pagi	hingga	11.30 pagi

Kontraktor dikehendaki membawa dan mengemukakan **Sijil Asal Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) beserta salinan sijil-sijil tersebut yang tidak akan dikembalikan semasa Pendaftaran Lawatan Tapak.

Dokumen tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Pejabat Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselori, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur** pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, berkenaan sebut harga tersebut, sila hubungi (8.30 pagi hingga 04.00 petang) Encik Mohd Rohaide bin Zulkiffle di talian 03-90513400 ext-7622534 emel rohaide@upnm.edu.my dan Puan Siti Mariam binti Abu Hassan di talian (03 – 90513400 Samb 7621097) emel sitimariam@upnm.edu.my untuk maklumat berkaitan penjualan dokumen.

Iklan ini dipaparkan di web <https://myprocurement.treasury.gov.my/> dan <http://bendahari.upnm.edu.my/>